

Ulasan Buku/*Book Review*

Christian & Muslim Ethics: A Study of How to Attain Happiness As Reflected in the Works on Tahdhib al-Akhlaq by Yahya Ibn 'Adi (D 974) and Miskawayh (D.1030) oleh Mohd Nasir Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2003. 273 hlm. Ulasan oleh Jaffary Awang.

Penulisan berhubung dengan pemikiran falsafah akhlak merupakan suatu yang masih baru, khususnya daripada kalangan penulis Muslim kontemporari, walaupun penghasilan karya pemikiran falsafah oleh kalangan pemikir klasik Muslim boleh dianggap banyak dan tersohor dari sudut keasliannya. Buku-buku seperti *Tahdhib al-Akhlaq* karya Ibn Miskawayh, *Ihya 'Ulum al-Din* oleh al-Ghazali dan ramai lain masih dibaca dan dibuat analisis hingga ke hari ini. Minat dan kecenderungan para pengkaji terhadap karya-karya agung pemikir Islam menggambarkan betapa ketinggian mutu wacana akademik yang dihasilkan bagi tatapan generasi terkemudian.

Buku *Christian and Muslim Ethics* hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Nasir Omar boleh dianggap sebagai rantaian daripada siri penghasilan buku-buku ilmiah berhubung dengan pemikiran falsafah akhlak. Antara karya pengarang yang membincangkan persoalan falsafah akhlak ialah *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat* (1986) dan *Miskawayh's Ethical Thought and Its Sources* (2003). Perbezaan antara karya sebelum ini khususnya *Miskawayh's Ethical Thought and Its Sources* adalah dari sudut pendekatan perbahasan. *Christian and Muslim Ethics* ini lebih terperinci dan kritikal bentuk perbahasannya berbanding dengan buku beliau sebelum ini, meskipun menyentuh tokoh yang sama iaitu Ibn Miskawayh. Dalam konteks terkininya karya ini cuba membuat satu penerokaan baru dengan membuat perbandingan antara dua tokoh tersohor iaitu Yahya ibn Adi dan Ibn Miskawayh.

Perbincangan dalam buku ini dibahagikan kepada lapan bab. Dalam bab pertama pengarang membincangkan mengenai konsep akhlak dari sudut etimologinya. Secara teliti pengarang membincangkan pengertian akhlak yang terbit daripada perkataan *khuluq* dengan mengemukakan pelbagai pandangan tokoh pemikir falsafah akhlak. Di sini pengarang mengemukakan pandangan tokoh-tokoh klasik Muslim seperti al-Ghazali dan al-Tusi, di samping mengemukakan konsep etika daripada perspektif tamadun Greek. Secara perbandingan, pengarang cuba memperlihatkan kesungguhan pemikir Islam dalam membincangkan konsep dan ciri-ciri akhlak. Ketinggian mutu perbincangan tokoh-tokoh Muslim seperti yang dipaparkan melalui buku *Christian and Muslim Ethics* memperlihatkan ketinggian tradisi ilmu yang menjadi sebahagian daripada tamadun Islam.

Sementara bab kedua dan ketiga pengarang memaparkan sejarah dan latar belakang kehidupan Yahya bin 'Adi dan Ibn Miskawayh. Pengalaman kehidupan

mereka dipaparkan dengan begitu menarik khususnya gabungan antara latar keluarga dan suasana budaya ilmu yang wujud ketika itu, hingga memungkinkan kedua-dua tokoh ini menjadi seorang yang berpengetahuan luas dalam bidang yang diceburi. Dalam bab keempat, pengarang memfokuskan sikap dan pandangan kedua-dua tokoh terhadap falsafah Greek. Bahagian ini mendedahkan kepada pembaca bagaimana sikap kreatif kedua-dua tokoh ketika menerima dan menganalisis aliran falsafah Greek. Konsep kegembiraan dan ciri-ciri untuk mencapai tahap kegembiraan dibincangkan secara terperinci dalam bab kelima. Perbincangan selanjutnya memfokuskan kepada kaedah atau cara untuk memperolehi tahap kegembiraan yang dibincangkan secara etimologi dalam bab keenam. Berdasarkan analisis pengarang, kepentingan etika yang baik merupakan satu bentuk kawalan dalaman bagi individu khususnya dalam membina watak. Hubungan antara keperluan terhadap kawalan diri dan pembinaan diri menurut pandangan Yahya ibn ‘Adi dan Miskawayh dibincangkan dalam bab ketujuh. Sementara bab kelapan merupakan rumusan pengarang yang memfokuskan kepada dua aspek utama dalam pembentukan akhlak atau etika iaitu keperluan hidup bermasyarakat dan kewujudan perasaan kasih sayang antara manusia yang akhirnya akan membentuk keharmonian dalam hidup.

Melalui karya Mohd Nasir, pembaca akan didedahkan perbezaan yang wujud antara konsep khuluq dan etika. Kedua-dua istilah tersebut meskipun sepintas lalu seolah-olahnya memberi pengertian yang sama, namun apabila dianalisis secara teliti dengan membawa pengertian daripada pelbagai aspek, maka jelas menunjukkan bahawa khuluq lebih merujuk kepada gambaran jiwa yang melahirkan tindakan tanpa pemikiran. Sementara etika diertikan sebagai satu disiplin ilmu yang mengkaji mengenai jiwa manusia (rujuk hlm. 6). Dalam hubungan ini, pengarang kelihatan berjaya menunjukkan pertalian yang erat antara ilmu yang dirujuk kepada isu etika dengan pembinaan personaliti individu yang digambarkan kepada pengertian khuluq.

Dengan membaca karya akademik ini, pembaca juga berkesempatan untuk mengetahui secara lebih mendalam nukilan-nukilan para pemikir Muslim silam mengenai falsafah akhlak. Melalui pendedahan ini sudah pasti dapat membantu para pembaca khususnya mereka yang ingin mendalami konsep dan sejarah perkembangan pemikiran falsafah akhlak untuk menganalisis secara lebih jauh susurgalur aliran pemikiran falsafah akhlak di kalangan pemikir Muslim.

Pengarang turut menyentuh tanggapan intelektual Barat yang menganggap bahawa falsafah akhlak merupakan saduran dari sumber luar dan bukannya datang dari khazanah Islam sendiri. Kecenderungan para pengkaji Barat membuat rumusan ini jelas bertujuan untuk mengeneplikan sumbangsan Islam terhadap perkembangan ilmu falsafah akhlak. Untuk mencabar rumusan serta teori awal Barat itu, pengarang mengemukakan data-data yang menunjukkan tiada bukti yang kukuh bahawa pemikir Islam menyadurkan gagasan etika dari mana-mana tradisi ilmu, walaupun daripada falsafah Greek. Ini diperkuuhkan lagi apabila

pengarang menjelaskan bahawa isu etika dan akhlak merupakan komponen terpenting Islam sepetimana yang terdapat dalam al-Quran dan Hadith.

Kenyataan ini tidak menafikan bahawa terdapat juga pemikir Islam yang terpengaruh dengan idea falsafah Greek, namun itu tidak boleh dijadikan sebagai ukuran bahawa pemikir Muslim menyadur pemikiran etika dari Greek. Untuk itu pengarang menggariskan perkembangan falsafah akhlak yang telah diusahakan oleh tokoh-tokoh Muslim seperti al-Ghazali, Miskawayh dan al-Tusi yang dikupas dari sudut sejarah, kepentingannya serta hubungannya dengan sumber al-Quran dan Hadith. Menurut pengarang perkembangan falsafah Greek ke dalam dunia Islam adalah bermula semenjak kurun ke 9M, sedangkan idea-idea utama gagasan etika Islam terdapat dalam al-Quran dan Hadith. Berasaskan kepada fakta tersebut pengarang menegaskan bahawa isu etika dan akhlak adalah lebih dahulu dibincangkan di kalangan pemikir Muslim.

Analisis pengarang berhubung dengan perkembangan falsafah akhlak juga memperlihatkan bagaimana ketelitian para pemikir Muslim apabila menerima dan mengkaji sumbangan ilmu luar seperti falsafah Greek. Ketelitian mereka adalah dari sudut mengenal pasti yang manakah kekuatan dan kelebihan gagasan etika Greek yang dapat dikembangkan di kalangan masyarakat Islam, dan prinsip etika yang tidak menepati prinsip ajaran Islam ditolak serta dikritik. Di sinilah sumbangan pemikir Muslim terhadap perkembangan ilmu khususnya ilmu falsafah akhlak.

Pengarang kelihatannya begitu tertarik dengan usaha dan kesungguhan Miskawayh. Ini kerana menurut pengarang di antara kebanyakan penganalisis Muslim yang mengkaji pemikiran tokoh-tokoh utama Greek, Miskawayh dianggap lebih terperinci perbincangan berkaitan persoalan etika. Tambahan pula kebanyakan karya-karya falsafah akhlak terkemudiannya kelihatan menjadikan karya Miskawayh sebagai rujukan utama. Ini seolah-olahnya karya Miskawayh sebagai pencetus kepada semangat di kalangan pemikir lain untuk menghasilkan karya yang sama. Untuk memperkuahkan kenyataan ini, pengarang menunjukkan bagaimana kebanyakan tokoh-tokoh Muslim terkemudian menyebut atau memetik kata-kata ataupun ulasan seperti yang telah dilakukan oleh Miskawayh. Ini menunjukkan bahawa pengaruh serta sumbangan Miskawayh terhadap perkembangan ilmu falsafah akhlak khususnya di kalangan pemikir Muslim begitu besar.

Pendekatan bahasa yang digunakan oleh pengarang tidak bersifat falsafah walaupun kajianya adalah membahaskan mengenai falsafah akhlak. Dengan demikian buku ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai peringkat pembaca sama ada khalayak umum, ataupun para pelajar universiti. Bahasanya mudah dan maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang dapat difahami dengan baik. Pada bahagian-bahagian yang sukar dari sudut kandungannya, pengarang sedapatan mungkin cuba menghuraikan dengan jelas bagi memungkinkan pembaca dapat mengikuti susur galur perkembangan kedua-dua orang tokoh iaitu Yahya b 'Adi dan Miskawayh.

Berhubung dengan pendekatan penulisan pengarang buku *Christian and Muslim Ethics* menggabungkan beberapa pendekatan dalam menghuraikan

pemikiran falsafah akhlak kedua-dua tokoh tersebut. Secara umumnya pendekatan yang digunakan oleh pengarang dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Kajian biografi. Sebagai kajian bersifat perbandingan antara tokoh iaitu Yahya b A'di dan Miskawayh, pengarang menjelaskan secara teratur berhubung dengan latar belakang kedua-dua tokoh. Melalui pendekatan bersifat biografi, pengarang menjelaskan kepada pembaca betapa dinamiknya kedua-dua tokoh ini dari sudut keilmuan dan kesungguhan mereka dalam mendalaminya sesuatu bidang ilmu. Umpamanya, Yahya b A'di menjadikan hobinya menulis dan membaca sebagai satu kemestian dalam memastikan agar beliau sentiasa cemerlang dalam sesuatu bidang. Ini jelas disebut dalam petikan yang dibuat oleh pengarang apabila beliau menyebut bahawa:

...I have forced myself to write a hundred pages each day and night, thought I felt this to be little (hlm. 43).

Satu pendekatan yang dapat dimanfaatkan oleh para pembaca khususnya para pengkaji ialah teknik pengesahan sesuatu fakta atau isu yang dibuat secara hipotesis dan disokong dengan fakta yang dapat dipertanggungjawabkan. Umpamanya, pengarang menggunakan pendekatan sosio-budaya setempat dalam mengesahkan kesungguhan dan tempoh waktu pengajian yang dilakukan oleh Yahya b A'di. Ini jelas kelihatan dalam petikan yang menyebut:

... Yahya went to Baghdad to continue his studies and pursue his interest sometimes between 910 and 915 A.D... (hlm. 38-39).

Untuk membenarkan peristiwa itu berlaku, pengarang memaparkan faktor sosio budaya ketika itu yang begitu tinggi nilai budaya ilmu seperti kenyataan berikut:

Al-Bayhaqī (d.1170), states that Yahya was the best (*afdhāl*) of al-Farabi's pupils, who summarises the literary works of his master and possesses a compendium of them (hlm. 39).

2. Kajian pensejarahan. Satu lagi pendekatan yang digunakan oleh pengarang ialah pendekatan pencejarahan. Pengarang dalam kajiannya telah memperlihatkan secara kronologi dari sudut tahun khususnya ketika menghuraikan latarbelakang kedua-dua tokoh. Penjelasan tahun secara urutan menggambarkan keperihatinan pengarang apabila menjalankan kajian yang berasaskan kepada sejarah. Dalam konteks penulisan ini, pengarang memaksimumkan penggunaan dokumen-dokumen klasik khususnya yang telah dihasilkan oleh Yahya b A'di dan Ibn Miskawayh dengan tujuan untuk mengemukakan satu intepretasi baru berhubung apa yang telah berlaku. Pengarang tidak sekadar menjelaskan fenomena sejarah yang dilalui oleh kedua-dua tokoh, tetapi membuat penelitian secara kritikal sebelum mengemukakan satu kesimpulan terhadap sesuatu fakta. Pendekatan ini menepati prosedur kajian pencejarahan yang menekankan

mengenai keperluan menilai semula fakta serta peristiwa lalu secara tepat untuk dihubungkan dengan peristiwa semasa (William Wiersma 2000: 15).

3. Kajian isi kandungan. Memahami idea falsafah akhlak merupakan topik utama pengarang. Dalam hubungan ini pengarang telah menggabungkan antara pendekatan kritisikal analisis dan perbandingan. Ini kerana untuk menjelaskan kepada khalayak pembaca khususnya kepada mereka yang tidak pernah atau kurang pendedahan mengenai perkembangan falsafah akhlak maka pendekatan secara perbandingan antara tokoh merupakan salah satu pendekatan. Melalui pendekatan ini, pengarang mampu menarik perhatian pembaca untuk turut menyelami pemikiran falsafah kedua-dua tokoh yang menjadi topik kajian buku ini.

4. Kajian sosio-budaya. Kajian sosio-budaya yang berjaya dipaparkan melalui penulisan ini adalah berhubung dengan kehidupan tokoh, masyarakat yang berbilang agama khususnya Muslim dan Kristian, toleransi beragama dan hubungan antara masyarakat berbilang agama dan sikap keterbukaan masyarakat. Sebagai seorang ilmuan Yahya b A'di mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan dari pelbagai tokoh termasuk dari sarjana Muslim. Ini jelas apabila beliau secara gigih cuba memahami teori Pythagorean melalui karya yang dihasilkan oleh Muhammad Ibn Zakariyya' al-Razi (hlm. 40).

Memang tidak dinafikan bahawa kejayaan sesuatu bangsa khususnya dalam bidang keilmuan dan pentadbiran akan mempengaruhi sesuatu bangsa yang lain tanpa mengira latarbelakang agama atau keturunan. Ini dapat dikesan dari kajian Mohd Nasir Omar terhadap Yahya b A'di yang menggunakan namanya seperti seorang Muslim. Malah ayahnya juga dikatakan bernama 'Adi Ibn Hamid (hlm. 42). Fenomena ini dari sudut kehidupan masyarakat menggambarkan bagaimana kuatnya pengaruh Arab Muslim terhadap masyarakat tempatan tanpa mengira apakah mereka dari kalangan Muslim atau Kristian. Inilah antara mesej yang berjaya ditonjolkan oleh pengarang untuk dijadikan sebagai satu kekuatan bagi pencinta ilmu, bahawa kehebatan sesuatu bangsa sebenarnya banyak bergantung kepada kekuatan bangsa tersebut dalam menguasai bidang keilmuan.

Ketinggian dan keluasan dalam penguasaan pelbagai bidang ilmu merupakan semacam satu budaya yang terbentuk di kalangan intelektual silam. Hakikat ini terpancar dalam diri Yahya b A'di dan Miskawayh apabila mereka tidak hanya menguasai satu bidang ilmu, tetapi melebihi daripada satu ilmu. Di sini lah yang dikatakan sebagai budaya tradisi keilmuan yang dibincangkan secara menarik khususnya pada bab yang kedua dan ketiga.

Ketokohan Yahya b A'di dan Miskawayh dalam bidang keilmuan bukan sekadar satu bentuk penghormatan pada mereka, tetapi nilai dan budaya ini turut diteladani oleh murid-murid mereka. Ini terbukti dengan kehadiran tokoh-tokoh terkemuka kemudiannya yang telah mempelajari ilmu pengetahuan daripada

kedua orang tokoh terbabit. Ini menjadikan kegemilangan kedua-dua tokoh ini tersebar luas. Dari sudut pertembungan tamadun, karya Mohd Nasir Omar memperlihatkan bagaimana kreatifnya intelektual yang digambarkan melalui Yahya b ‘Adi dan Miskawayh. Keupayaan kedua-dua tokoh menyerap dan mengadun kembali dalam bentuk yang baik sehingga dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umum menggambarkan bahawa tidak selamanya tamadun yang berbeza akan menimbulkan konflik. Sebaliknya manusia atau intelektual secara khusus perlu memanfaatkan ilmu yang datang daripada tamadun yang berbeza, bagi membina kekuatan bangsa dan masyarakat. Inilah hakikat yang terjadi kepada kedua-dua tokoh seperti mana yang dipaparkan oleh pengarang apabila mereka berjaya memanfaatkan ilmu dari tamadun Greek, Muslim dan Kristian.

Satu sifat intelektual yang perlu ada dalam menentukan kecemerlangan ilmu adalah sifat keterbukaan dalam menerima serta bersedia untuk berbincang meskipun berbeza pegangan. Sifat sebeginilah yang diperlihat oleh Miskawayh yang walaupun menurut pengarang ia daripada aliran Shi’I, namun ini tidak menghalangnya untuk merujuk kepada tokoh-tokoh lain seperti Abu Hanifah (d. 767), al-Shafi’I (d. 820) dan lain-lain lagi (hlm. 58). Seperkara yang menarik berhubung dengan perkembangan atau latar belakang kehidupan Miskawayh, di mana pengarang cuba menghubungkan antara pengalaman Miskawayh yang dikatakan kurang mendapat perhatian sepenuhnya daripada ibu bapa mengakibatkan beliau kelihatan cenderung untuk mendalaminya serta mengkaji aspek etik (hlm. 60).

Berasaskan kepada senario tersebut justeru buku ini wajar dihayati dan ditatapi secara teliti oleh segenap khalayak pembaca. Bagi kalangan ahli akademik buku ini dapat memberi satu input tambahan dalam meneroka aspek-aspek lain berhubung dengan falsafah akhlak. Tidak terkecuali kepada kalangan pentadbir, karya Mohd Nasir Omar ini mampu menyuntik semangat baru dalam membina kerjaya dan pada waktu yang sama menghayati budaya ilmu sebagai pra-syarat kepada pembinaan tamadun baru. Generasi pelajar baik di peringkat menengah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi wajar membaca buku ini sebagai satu kekuatan dalam meneruskan perjuangan akademik. Ini adalah kerana kegigihan kedua-dua tokoh yang dipaparkan dalam karya ini merupakan manifestasi kesungguhan dan ketekunan dalam meneroka ilmu pengetahuan dapat menjadi inspirasi kepada golongan pelajar. Dengan demikian, maklumat dan susur galur pembinaan ilmu dan kepakaran kedua-dua tokoh separtimana yang didedahkan oleh pengarang seharusnya dibaca dan dihayati oleh segenap lapisan pembaca yang cintakan ilmu pengetahuan.

Jabatan Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 jaffaryawang@hotmail.com